

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3/12/2018

PM jamin kerajaan tak pinggirkan Sarawak

BH
- 3/12/2018
m/s. 2

➔ Projek pembangunan diteruskan walaupun perbezaan ideologi politik antara negeri, Persekutuan

Oleh **Kandau Sidi dan Erika George**
cnews@nstp.com.my

► Bintulu

Tun Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan Kerajaan Persekutuan tidak akan meminggirkan Sarawak walaupun wujud perbezaan ideologi politik dengan kerajaan negeri.

Perdana Menteri berkata Sarawak adalah sebahagian daripada Malaysia dan wajar mendapat kemajuan setaraf negeri lain.

Sehubungan itu, katanya, projek Persekutuan akan diteruskan dan pembangunan negeri adalah tanggungjawab Putrajaya.

"Sudah tentu kami lebih suka dengan sebuah kerajaan yang mesra, dari parti yang sama dengan Kerajaan Persekutuan (Pakatan Harapan).

"Tetapi sama ada ia kerajaan yang berbeza atau sama, projek Persekutuan di Sarawak akan diteruskan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat tertutup kemajuan projek Persekutuan di Sarawak, di sini, semalam.



Dr Mahathir memalu gong pada Majlis Pelancaran BERSATU Sarawak di Dewan Suarah Bintulu, malam kelmarin.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Setiausaha Persekutuan Sarawak, Datuk Mansor Man. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), Sarawak memperoleh 597 projek fizikal bernilai RM14 bilion.

Tawaran pinjaman dina semua sekolah uzur

Mengenai tawaran RM1 bilion oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi membina semula sekolah yang uzur di Sarawak, Dr Mahathir beliau berkata ia adalah satu pinjaman.

"Saya rasa mereka (kerajaan Sarawak) mahu pinjamkan kepada kita tetapi kerajaan negeri juga berhutang dengan kita.

"Kita lebih setuju jika mereka bayar saja wang yang mereka hutang dengan kita. Mereka mempunyai banyak wang dan belanjawan Sarawak adalah yang terbesar di Malaysia... RM11 bilion (tahun hadapan)," katanya.

Perdana Menteri juga berharap kerajaan Sarawak tidak begitu mendesak berhubung tuntutan ro-



Kita lebih setuju jika mereka bayar saja wang yang mereka hutang dengan kita.

Mereka mempunyai banyak wang dan belanjawan Sarawak adalah yang terbesar di Malaysia... RM11 bilion (tahun hadapan)"

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

yalti minyak.

Sarawak menuntut supaya royalti minyak 5 peratus daripada Kerajaan Persekutuan dinaikkan kepada 20 peratus sebagai sebahagian daripada hak istimewa negeri seperti termaktub di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Mengenai kerja menaik taraf 116 sekolah uzur di Sarawak yang memabitkan peruntukan RM443.5 juta tahun ini, Dr Mahathir berkata, ia mengambil masa agak panjang untuk mendapatkan bahan pembinaan.

Ketika ini, 77 sekolah uzur siap dinaik taraf, manakala 39 lagi dalam pelbagai fasa pelaksanaan yang menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS).

"Saya berharap agar isu sekolah daif ditangani oleh kerajaan negeri, lihat saja belanjawan RM11 bilion yang diumumkan baru-baru ini... ia wajar digunakan dengan baik.

"Kerajaan Sarawak mempunyai duit yang cukup banyak. Jadi, atasi masalah sekolah daif dengan menggunakan bajet sedia ada," katanya.